

UM **PM ulangi kedudukan kerajaan tidak jejas** 1988

KUALA LUMPUR 5 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengulangi jaminannya hari ini bahawa kedudukan kerajaan pusat dan kerajaan - kerajaan negeri tidak terjejas berikutan keputusan Mahkamah Tinggi di sini semalam mengisytiharkan UMNO sebagai parti yang tidak sah.

Katanya, ini kerana kerajaan dipilih oleh rakyat dan calon -calon yang bertanding dalam pilihanraya berbuat demikian secara individu walaupun menggunakan simbol parti.

Beliau memberitahu persidangan akhbar di pejabatnya di sini, mengikut perlembagaan negara, sesiapa yang mendapat kepercayaan majoriti anggota Dewan Rakyat boleh ditonjolkan menjadi Perdana Menteri.

"Perdana Menteri cuma boleh dijatuhkan dengan undi tidak percaya daripada anggota Dewan Rakyat ataupun beliau hilang sokongan mereka," katanya.

"Seperti mana yang kita tahu tidak ada bukti bahawa Perdana Menteri yang ada sekarang telah hilang kepercayaan majoriti anggota Dewan Rakyat," tambahnya.